

Agong titah kerajaan jelaskan mengenai GST
Malaysian Insider
10 Mac, 2014
Oleh Diyana Ibrahim

Yang di-Pertuan Agong Abdul Halim Mu'adzam Shah Ibni Almarhum Sultan Badlishah menitahkan kerajaan dan juga ahli-ahli yang berhormat bersama-sama memberi kefahaman kepada rakyat mengenai pelaksanaan dan faedah pengenalan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) yang akan dilaksanakan pada April 2015.

Titah baginda, rakyat perlu diberikan kefahaman mengenai pelaksanaan GST yang bukannya cukai tambahan tetapi menggantikan Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan sedia ada.

"Kerajaan beta akan terus memperkukuh kedudukan kewangan dan memastikan kemampanan fiskal jangka panjang negara.

"Antara lain melalui peluasan asas cukai dan penambahbaikan pentadbiran cukai termasuk pengenalan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST)," titah baginda dalam ucapan pembukaan majlis Parlimen ke-13 bagi penggal kedua di Parlimen Kuala Lumpur pagi ini.

Selain itu Agong bertitah bahawa kemakmuran tidak akan memberi makna jika masih ada rakyat hidup dalam kesusahan.

Beliau bertitah, dalam usaha mengurangkan beban kenaikan kos sara hidup dan menangani kesan pelaksanaan langkah transformasi ekonomi termasuk rasionalisasi subsidi secara berperingkat.

Titah beliau subsidi pukal yang banyak ketirisannya perlu diganti dengan subsidi bersasar agar rakyat dapat dibantu.

"Justeru, pelbagai inisiatif dilaksanakan untuk membantu meringankan beban rakyat, antaranya melalui Bantuan Rakyat 1Malaysia dan Kad Diskaun 1Malaysia.

"Beta menyeru agar kerajaan memperbanyakkan lagi Kedai Rakyat 1Malaysia di seluruh negara dengan sekurang-kurangnya sebuah dibina di setiap kawasan Parlimen," titahnya. – 10 Mac, 2014.

Hakcipta © 2014 The Malaysian Insider

Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/agong-titah-kerajaan-jelaskan-mengenai-gst>